

09 JAN 2004

Mustapa-Ekonomi

EKONOMI NEGARA DIRAMAL LEBIH BAIK TAHUN INI

JELI, 9 Jan (Bernama) -- Pertumbuhan ekonomi negara tahun ini dijangka lebih tinggi berbanding tahun lepas, kata Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed hari ini.

Beliau berkata, pelabur luar dan tempatan kini berkeyakinan tinggi dan bersemangat untuk mempertingkatkan pelaburan di negara ini setelah menyedari kemampuan negara terutama menerusi gandingan mantap antara Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan timbalannya Datuk Seri Najib Tun Razak.

"Lebih menyakinkan lagi barisan Kabinet kerajaan menyaksikan penyertaan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang amat berpengalaman dalam bidang ekonomi sebagai Menteri Kewangan Kedua," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pasukan sukarelawan perubatan Umno Jeli di Kampung Lawang, Batu Gajah di sini.

Mustapa berkata Nor Mohamed yang dikenalnya mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang ekonomi bukan sahaja dalam negara tetapi juga turut disegani di peringkat global.

Beliau berkata dasar-dasar kerajaan yang agresif untuk menggerakkan pentadbiran awam dan serius dalam menghapuskan kegiatan rasuah turut mendorong minat pelabur menanam modal di negara ini.

Keyakinan pelabur itu dapat dilihat apabila Indeks Komposit (IK) Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) melonjak 7.44 mata atau 0.99 peratus kepada 813.2 mata semalam.

Paras IK itu adalah yang tertinggi dalam tempoh dua bulan.

Tahun lepas paras tertinggi IK ialah 817.12 mata yang dicatat pada 31 Okt semasa peralihan kuasa Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Abdullah.

Mustapa berkata pertumbuhan ekonomi lebih tinggi tahun ini akan memberi faedah lebih besar kepada rakyat negara ini.

Berhubung majlis itu, Mustapa yang juga Pengerusi Badan Perhubungan

Umno Kelantan berharap lebih ramai doktor pakar dapat menawarkan diri untuk

memberi perkhidmatan perubatan secara percuma kepada rakyat miskin di

kawasan pendalaman di Kelantan.

Katanya sehingga ini sebanyak 24 majlis seperti itu diadakan di Kelantan terutama di Jajahan Jeli.

Menurutnya pasukan sukarelawan itu terdiri gandingan lapan doktor kerajaan dan swasta yang berpengalaman.

Mustapa berkata majlis seumpama itu pernah diadakan ketika Kelantan diperintah oleh Barisan Nasional (BN) tetapi program itu terbantut apabila

PAS memerintah.

-- BERNAMA

WM RAR PR